

# PM fikirkan cara Kelantan punyai wakil di Pusat

UM 23 OCT 1990

KUALA LUMPUR 22 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, beliau akan memikirkan cara - cara untuk memastikan Kelantan terus diwakili di peringkat Pusat walaupun negeri itu telah terlepas ke tangan pihak pembangkang.

Katanya, Barisan Nasional tidak berhasrat membolot kesemua tempat sehingga ada negeri - negeri yang tidak diwakili dalam kabinet.

"Dengan kekalahan BN di kesemua kerusi Parlimen di Kelantan, maka kabinet tidak mempunyai wakilnya daripada Kelantan, tetapi saya akan fikirkan cara - cara untuk mengatasinya," katanya dalam sidang akhbar pada pukul 3.40 pagi ini sebaik sahaja BN memperolehi kemenangan dua pertiga dalam pilihanraya kali ini.

Beliau juga memberitahu bahawa kabinet akan dibentuk seberapa segera dan secepat yang diperlukan.

Perdana Menteri enggan mengulas bila ditanya sama ada BN akan berunding dengan Pas di Kelantan. "Terlalu awal untuk menjawab pertanyaan ini," katanya ringkas.

Menjawab pertanyaan lain, Perdana Menteri memberitahu, pembentukan kabinet kelak lebih berupa urusan untuk mengisi kekosongan sahaja.

Ini, katanya, kerana beliau berpendapat kebanyakan ahli

kabinet yang ada, adalah berprestasi baik.

Beliau juga memberitahu bahawa pembentukan kabinet akan dibuat selepas mengadakan rundingan dengan parti - parti komponen BN dan ia tidak akan dibuat dengan tergesa - gesa kerana kerajaan sementara masih wujud.

Diminta mengulas trend pengundi di bandar - bandar yang memberikan sokongan kepada DAP, Perdana Menteri memberitahu, masih ada kawasan - kawasan tertentu di mana BN mencapai kejayaan.

"Pemimpin - pemimpin DAP

yang garang pun gugur juga, nanti sunyilah sedikit Dewan Rakyat," katanya tersenyum.

Bagaimanapun, katanya, BN akan dapat membuat analisis untuk mengetahui sama ada pencapaian BN di bandar - bandar bertambah baik atau sebaliknya.

Mengenai ketewasan Dr. Lim Chong Eu di tangan Encik Lim Kit Siang bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Padang Kota, Perdana Menteri menegaskan ia adalah pilihan rakyat.

"Ini pendirian orang Pulau Pinang. Prestasi Gerakan tetap baik," katanya.